



9 Ogos 2015  
Untuk disiarkan segera

### **PERSISI meraikan SG50 dengan mempersembahkan Bahasa Melayu melalui Pencak Silat di Bulan Bahasa 2015**

Didorong dengan sambutan positif daripada pengunjung Bulan Bahasa 2013 dan 2014, PERSISI kembali untuk mempersembahkan pencak silat dan koleksi senjata pada Acara Hujung Minggu tahun ini. Pengunjung akan dapat menimba ilmu tentang sejarah dan evolusi pencak silat di Singapura sambil meraikan SG50 serta bahasa Melayu di dalam acara Bulan Bahasa 2015.

#### **Menonjolkan Peranan Wanita dalam Pencak Silat**

Setiap tahun, pertubuhan silat akan mempamerkan tema yang berbeza, dan tahun ini, mereka telah memilih untuk meraikan SG50 dengan pameran mengenai evolusi pengajaran dan pembelajaran pencak silat semenjak kemerdekaan Singapura.

Peranan wanita akan diberikan tumpuan dalam pameran ini. Menurut setiausaha PERSISI, Puan Isiah, pada zaman dahulu, wanita muda tidak dibenarkan untuk belajar silat tetapi mereka percaya bahawa mereka patut ada kemahiran ini. Oleh itu, sesi istimewa diperkenalkan untuk kaum wanita sahaja dan diadakan di tempat yang berasingan daripada lelaki. Ada juga yang berlatih di dapur atau bilik mereka sendiri.

Wanita juga pelajari senjata-senjata khusus dan mereka menghasilkan istilah tersendiri yang berbeza daripada kaum lelaki. Senjata-senjata ini diperbuat daripada pakaian harian mereka, seperti cindai (kain yang digunakan untuk menutup kepala), sarung batik dan pin rambut. Mereka juga belajar untuk menggunakan kayu pendek dan keris sebagai senjata.

Bagi Puan Isiah, beliau berharap tema dan penekanan pada kaum wanita akan mendorong wanita muda untuk pelajari silat bagi mempertahankan diri. Inspirasi untuk menonjolkan peranan wanita juga tercetus disebabkan kejadian beliau dibuli sekumpulan budak lelaki semasa berkelah bersama rakan-rakan sedarjahnya di Pantai Changi. Hanya sekadar pelajar menengah dua pada masa itu, Puan Isiah berhadapan dengan lapan hingga 10 orang budak lelaki sementara rakan-rakannya melarikan diri. Walaupun bersendirian sahaja, beliau dapat mempertahankan dirinya dan kemudian diselamatkan oleh beberapa orang dewasa yang telah ternampak kejadian itu. Kejadian ini memberinya kesedaran bahawa kemahiran mempertahankan diri amat penting untuk wanita apabila berhadapan dengan situasi-situasi sebegini rupa.



### **Berinteraksi – Cara Terbaik untuk Belajar**

PERSISI percaya bahawa belajar menerusi pengalaman ialah cara yang terbaik. Oleh itu, para pengunjung ke pameran dan demonstrasi PERSISI akan dapat menyertai aktiviti dan akan dijemput untuk mempelajari dan mencuba gerak-gerakan asas silat. Terdapat sukarelawan yang akan menerangkan cara bersilat supaya para pengunjung dapat memahami mengapa dan apa yang dilakukan.

Bagi Puan Isiah, cara terbaik untuk mempelajari bahasa adalah melalui interaksi antara satu sama lain. Beliau berasa apabila berinteraksi bersama para pengunjung, itulah masa yang mustahak kerana bahasa Melayu boleh digunakan untuk menerangkan dan berkongsi tentang silat. Terdapat juga banyak perkataan yang boleh dipelajari para pengunjung melalui aktiviti-aktiviti yang interaktif.

“Terdapat banyak persamaan di antara pencak silat dengan bahasa Melayu, dan Bulan Bahasa merupakan satu wadah untuk mempromosikan sukan ini serta bahasa, budaya dan tradisi Melayu yang datang bersamanya,” kata Puan Isiah Majid. “Secara tradisional, silat bukan sekadar sejenis sukan tetapi merupakan juga satu aktiviti budaya Melayu dan saya gembira Sukan SEA yang baru lepas dapat meningkatkan kesedaran dan populariti seni mempertahankan diri ini.”

### **Pencak Silat di Gardens by the Bay**

Para pengunjung boleh menonton dan melibatkan diri dalam demonstrasi dan pameran silat di Supertree Grove di Gardens by the Bay pada 5 September 2015. Untuk jadual penuh, sila lungsurilah laman Bulan Bahasa di [mbms.sg](http://mbms.sg) atau ‘follow’ Majlis Bahasa Melayu Singapura di [www.facebook.com/majlisbahasa](http://www.facebook.com/majlisbahasa).



**Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan sesi temubual, sila hubungi:**

Cik Aisyah Noor Mohd

DID: 6332 2244

Email: [siti\\_aisyah\\_noor\\_mohd@nhb.gov.sg](mailto:siti_aisyah_noor_mohd@nhb.gov.sg)

Sesi temubual boleh diatur dengan Puan Isiah Majid, setiausaha PERSISI, serta peserta PERSISI yang akan membuat persembahan semasa Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa 2015. Profil Puan Isiah boleh didapati atas permintaan.

### **Tentang Bulan Bahasa**

Sejak 1988, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2010, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan yang terus mendapat sokongan daripada masyarakat. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk memupuk keyakinan diri dan kemahiran bahasa Melayu serta melestarikan budaya dan warisan Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan Bulan Bahasa, sila lungsur [mbms.sg](http://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).